

Denda RM1 juta kesalahan pemalsuan cap dagangan

Amir Abd Hamid

amir_hamid@mediaprima.com.my

RM1 juta denda, dipenjarakan lima tahun atau kedua-duanya.

Itu hukuman maksimum bakal dikenakan kepada pelaku yang melakukan kesalahan pemalsuan atau pemelancungan (counterfeiting) cap dagangan.

Peruntukan prosiding jenayah itu adalah antara beberapa kesalahan baharu terkandung dalam Akta Cap Dagangan 2019 yang diluluskan Parlimen Julai lalu dan bakal diwartakan 27 Disember ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, sebelum ini ada peruntukkan denda dan penjara diletakkan dalam akta berbeza iaitu Akta Perihal Dagangan 2011.

"Bagi memastikan kesalahan berkaitan cap dagangan ini tidak terus berlanjutan, jumlah denda dan penjara ditetapkan dengan kadar tinggi.

"Contohnya, bagi kesalahan pemelancungan cap dagangan, jika disabitkan, seseorang itu boleh didenda tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sesi dialog bersama media bertajuk "Pemodenan perundangan cap dagangan di Malaysia : Apa faedah untuk rakyat dan negara?" di Akademi Harta Intelek, Kuala Lumpur hari ini.

Hadir sama Pengerusi MyIPO Dr Rozhan Othman, Ketua Pengarah MyIPO Datuk Mohd Roslan Mahayudin dan Penolong Ketua Pengarah (Pendaftaran & Pematuhan) MyIPO Azahar Abdul Razab.

Hukuman untuk kesalahan pemelancungan cap dagangan sebelum ini agak rendah iaitu kesalahan barangan palsu untuk individu adalah denda RM5,000 bagi kesalahan pertama, kesalahan seterusnya denda boleh meningkat sehingga RM30,000 selain penjara tiga tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, Saifuddin berkata, Akta Cap Dagangan 2019 membolehkan Malaysia menyertai Protokol Madrid sekali gus memudahkan usahawan tempatan membuat pendaftaran jenama mereka di 122 negara termasuk Amerika Syarikat, Thailand, Indonesia dan Brazil.



Saifuddin Nasution ketika sesi dialog bersama media hari ini. FOTO Bernama

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 23 Oktober 2019 @ 6:53 PM